

بَابُ مُجَاهَدَةِ خُلُوفِ السُّوءِ وَكَوْنِ مُجَاهِدِهِمْ مِنَ الْإِيمَانِ

*Bab Berjuang Menentang Generasi Kemudian Yang Jahat Dan Perjuangan Menentang Mereka Adalah Sebahagian Daripada Iman.*¹⁸⁸

dengan tangan atau kekuasaan menunjukkan darjat keimanan yang tertinggi. Kemampuan menolak dengan hati atau dengan kata lain tidak menyukai perkara mungkar dengan hati sahaja pula menunjukkan darjat keimanan yang paling rendah. (4) Orang mu'min paling tidak pun pasti akan membenci kemungkaran. (5) *Amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* adalah suatu yang wajib dalam agama Islam. Dengan adanya *Amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, masyarakat dan negara menjadi maju dan aman damai. (6) Kemampuan melaksanakan *nahi mungkar* (mencegah kemungkaran) tidak sama adanya pada setiap individu muslim. Bagaimanapun setiap orang muslim berkewajipan mencegah kemungkaran mengikut kemampuan masing-masing.

¹⁸⁸ Beginilah tajuk bab yang dibuat oleh al-Itsyubi di sini. Al-Ubbi pula membuat tajuk bab begini: باب قوله صلى الله عليه وسلم ما من نبي بعثه الله قبلي إلا كان له من أمته حواريون وأصحاب (Bab Sabda Nabi s.a.w. Tidak Ada Seorang Pun Nabi Yang Diutuskan Oleh Allah Sebelumku Melainkan Dia Mempunyai Hawariyyun Dan Sahabat-sahabat Dari Kalangan Umatnya). Menurut al-Itsyubi, tajuk seperti ini tidak sesuai dengan Kitab Iman. Qadhi `Iyaadh, Imam Nawawi, as-Sanusi, al-Qurthubi dan kebanyakan pensyarah pula tidak membuat apa-apa tajuk di sini. Ini kerana mereka menganggapnya masih termasuk di bawah tajuk bab yang sebelumnya: بَابُ وَجُوبِ إِزَالَةِ الْمُنْكَرِ بِالْقَدْرِ الْمُسْتَطَاعِ وَأَنَّ إِزَالَتَهُ مِنَ الْإِيمَانِ (Bab Kewajipan Menghilangkan Kemungkaran Sedapat Mungkin Dan Usaha Menghilangkannya Adalah Sebahagian Daripada Iman). Pilihan kebanyakan pensyarah yang memasukkan hadits 41 ini di bawah bab sebelumnya juga menurut al-Itsyubi kurang sesuai, kerana perkataan *مجاهدة* menunjukkan adanya perlawanan dan pertentangan di antara dua pihak. Sedangkan perbuatan mengubah kemungkaran (*تغيير المنكر*) pula hanya berlaku dari pihak pengubahnya sahaja. Itulah sebabnya beliau membuat tajuk seperti di atas.

٤١ - عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنْ نَبِيٍّ بَعَثَهُ اللَّهُ فِي أُمَّةٍ قَبْلِي إِلَّا كَانَ لَهُ مِنْ أُمَّتِهِ حَوَارِيُّونَ وَأَصْحَابٌ يَأْخُذُونَ بِسُنَّتِهِ وَيَقْتَدُونَ بِأَمْرِهِ ثُمَّ إِنَّهَا تَخْلُفُ مِنْ بَعْدِهِمْ خُلُوفٌ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ وَيَفْعَلُونَ مَا لَا يُؤْمَرُونَ فَمَنْ جَاهَدَهُمْ يَبْدِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِلِسَانِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِقَلْبِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَيْسَ وَرَاءَ ذَلِكَ مِنَ الْإِيمَانِ حَبَّةُ خَرْدَلٍ

41 - `Abdullah bin Mas`ud r.a.¹⁸⁹ meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: "Tidak ada seorang pun nabi yang telah diutus Allah sebelumku, melainkan pasti ada di kalangan umatnya¹⁹⁰ golongan Hawariyyun¹⁹¹ dan para sahabat¹⁹² yang berpegang

¹⁸⁹ Beliau ialah `Abdullah bin Mas`ud bin Ghaafil bin Habib bin Syamkh bin Makhzum bin Shahilah bin Kaahil bin al-Harits bin Tamim bin Sa`ad bin Huzail bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar al-Huzali. Ibu beliau bernama Ummu `Abd binti al-Harits bin Zuhrah. Ada yang mengatakan binti `Abdil Harits. `Abdullah bin Mas`ud termasuk dalam kalangan السابقون الأولون iaitu orang-orang yang memeluk Islam di peringkat awal. Beliau juga merupakan salah seorang "ulama" besar di kalangan Sahabat, mendapat gelaran صاحب النعلين (sahabat yang bertuah kerana diberi peluang berkhidmat membawa dan menjaga selipar Rasulullah s.a.w. apabila Baginda s.a.w. menanggalkannya dalam perjalanan. Kemudian meletakkannya di hadapan Baginda apabila ia diperlukan). `Abdullah bin Mas`ud telah menyertai Perang Badar dan perang-perang lain yang berlaku selepasnya. Beliau meriwayatkan sebanyak 848 buah hadits. Di zaman pemerintahan `Umar, beliau dilantik menjadi hakim dan pengurus Baitul Mal di Kufah. Beliau telah membina sebuah rumah berhampiran masjid di Kufah. `Abdullah bin Mas`ud meninggal dunia di Madinah pada tahun 32H. Jenazah beliau disembahyangkan oleh az-Zubair bin al-`Awwam dan disemadikan di tanah perkuburan Baqi'. Ketika itu usia beliau sudah melebihi 60 tahun.

¹⁹⁰ Kata al-Ubbi, yang dimaksudkan dengan "umatnya" ialah umat Nabi berkenaan dari kalangan pengikut-pengikutnya yang beriman kepadanya (أمة الإجابة). Ia boleh juga dipakai dengan erti yang lebih umum iaitu umat da`wahnya (أمة الدعوة). Maka termsuklah juga di dalamnya orang-orang kafir. Bagaimanapun di dalam hadits, perkataan umat lebih banyak dipakai dengan erti yang pertama.

¹⁹¹ Para `ulama' berbeda pendapat tentang siapakah golongan Hawariyyun yang dimaksudkan di dalam hadits ini. Berikut dikemukakan beberapa daripadanya. (1) Mereka ialah orang-orang yang istimewa di sisi para Nabi dan orang-orang kepercayaan mereka dalam urusan-urusan sulit. (2) Mereka ialah sahabat-sahabat para nabi yang paling istimewa. (3) Sahabat-sahabat para nabi yang terpilih dan ikhlas dalam cintanya terhadap mereka. Berhubung dengan Hawari Nabi `Isa pula ada lima pendapat `ulama' tentangnya. (1) Orang-orang yang berpakaian putih. (2) Orang yang membersihkan kain atau tukang dobi. Mereka inilah (kalangan tukang dobi) yang ramai menjadi pengikut setia Nabi Isa a.s. di peringkat awalnya. (3) Pejuang-pejuang ugama yang dibawa oleh Nabi `Isa a.s. (4) Pemburu-pemburu. (5) Perkataan Hawariy digunakan secara umum untuk penyokong-penyokong setia Nabi Isa a.s.

teguh dengan sunnahnya dan patuh pula kepada perintahnya. Mereka kemudiannya¹⁹³ digantikan oleh angkatan baharu yang pandai berkata tetapi tidak berbuat, bahkan mengerjakan apa yang tidak diperintahkan kepada mereka.¹⁹⁴ Maka sesiapa yang berjuang menentang mereka dengan tangannya,¹⁹⁵ dia adalah orang mu'min.¹⁹⁶ Sesiapa yang berjuang menentang mereka dengan lidahnya,¹⁹⁷ dia adalah orang mu'min. Dan sesiapa yang menentang mereka dengan hatinya,¹⁹⁸ dia (juga) adalah orang mu'min. Sesudah itu, tidak ada lagi iman¹⁹⁹ walaupun seberat biji sawi."²⁰⁰

¹⁹² Iaitu orang-orang yang sentiasa menjadi sahabatnya dan tidak meninggalkannya. Di sini al-Ubbi terkeliru lalu mengatakan ia bercanggah dengan sabda Rasulullah s.a.w. di dalam hadits lain tentang kedatangan para Nabi bersama umat mereka pada hari kiamat nanti, di mana Baginda s.a.w. bersabda: ... غُرِضْتُ عَلَى الْأُمَمِ فَرَأَيْتُ النَّبِيَّ وَمَعَهُ الرَّهْطُ وَالنَّبِيُّ وَمَعَهُ الرَّجُلُ وَالرَّجُلَانِ وَالنَّبِيُّ وَلَيْسَ مَعَهُ أَحَدٌ... Bermaksud: Dikemukakan kepadaku umat-umat (yang lalu). Aku nampak ada nabi yang ada bersamanya sekumpulan kecil (pengikut). Ada nabi yang datang dalam keadaan ada bersamanya seorang dua (pengikut) sahaja. Ada pula nabi yang datang dalam keadaan tiada seorang pun (pengikut) bersamanya.... (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). Antara jawapan yang diberikan untuk merungkai kekeliruan seperti ini ialah: (1) Walaupun hadits Ibnu Mas'ud di atas muakkad selepas nafi yang memberi erti semua nabi yang diutus Allah mempunyai Hawari dan sahabat, namun ia perlu dita'wilkan dengan kebanyakan mereka, bukan kesemua mereka. (2) Di sini terdapat *sifat* yang dibuang, taqdirnya ialah: مَا مِنْ نَبِيٍّ لَهُ أَتْبَاعٌ (tiada seorang pun Nabi yang mempunyai pengikut). (3) Syeikh Ibnu 'Arafah berpendapat bahawa yang dibicarakan di dalam hadits yang diisyaratkan oleh al-Ubbi itu ialah para Nabi, sedangkan hadits Ibnu Mas'ud di atas berbicara tentang para Rasul.

¹⁹³ Kata al-Ubbi, 'ataf dengan ثُمَّ (kemudiannya) di sini menunjukkan pengubahan yang dilakukan oleh generasi kemudian seperti tersebut di dalam hadits ini, berlakunya setelah agak lama zaman nabi-nabi masing-masing berlalu.

¹⁹⁴ Yang dimaksudkan dengan 'apa yang tidak diperintahkan kepada mereka' di sini bukanlah perkara-perkara harus, tetapi perkara-perkara haram seperti amalan bid'ah, khurafat dan lain-lain kemungkaran.

¹⁹⁵ Termasuklah memerangi mereka sekiranya perlu demi menamatkan kekuasaan mereka serta mengembalikan mereka kepada kebenaran.

¹⁹⁶ yang sempurna imannya dalam bab menyatakan kebenaran dan menghapuskan kebatilan.

¹⁹⁷ dengan cara memberi nasihat dan peringatan kepada mereka. Mungkin juga dengan cara mengutuk dan mengecam tindakan mereka jika perlu.

¹⁹⁸ dengan membenci perbuatan dan tindakan mereka serta tidak berpuas hati dengannya. Sekiranya seseorang itu tidak melakukan semua yang tersebut dan tidak juga membencinya di dalam hati, dia dikira berpuas hati dengan sesuatu kemungkaran yang sedang berlaku, akibatnya dia tidak lagi termasuk dalam orang-orang yang dikata Rasulullah s.a.w. sebagai mu'min (yang sempurna dalam perkara ini).

¹⁹⁹ Orang itu bukan sekadar tidak menyukai atau tidak berkenan, bahkan menganggap halal pula apa yang dilakukan oleh mereka itu.

بَابُ كَوْنِ الْحَابِ فِي اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الْإِيمَانِ وَيَتَانِ سَيِّئِهِ

*Bab Berkasih-Kasih Kerana Allah Ta'ala Itu Adalah Sebahagian Daripada Iman Dan (Bab) Perkara Yang Menyebabkan Timbulnya Perasaan Kasih Sayang.*²⁰¹

٤٢ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا أَوْ لَا أَذْكَكُمْ

عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابَبْتُمْ أَفْشُوا السَّلَامَ بَيْنَكُمْ

42 - Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Kamu tidak dapat masuk syurga, selagi tidak beriman.²⁰² Dan kamu tidak (benar-benar) beriman

²⁰⁰ Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Seorang yang beriman harus menentang kemungkaran dan kebatilan yang berlaku di hadapannya dengan apa cara sekali pun, sekadar yang termampu olehnya. (2) Cara yang diyakini berkesan untuk menentang sesuatu kemungkaran itu lebih perlu diutamakan berbanding cara yang tidak diyakini. (3) Penggunaan kekerasan tidak semestinya berkesan dan praktikal. (4) Agama Islam tidak membebankan umatnya untuk melakukan sesuatu yang tidak termampu oleh mereka. (5) Perkara yang terakhir boleh dilakukan oleh seorang yang beriman untuk mencegah kemungkaran ialah membencinya di dalam hati. (6) Seorang yang beriman tidak seharusnya berasa senang hati dengan kemungkaran dan menganggapnya sebagai suatu perkara yang ‘biasa’. (7) Iman seseorang itu boleh ada atau hilang dalam bab tertentu. (8) Iman mempunyai banyak tahap. Tahap tertingginya ialah dapat mendaulatkan Islam dengan kekuasaan dan pemerintahan. (9) Lenyapnya iman seseorang dalam sesuatu bab tertentu, bererti kurangnya imannya secara umum. Dengan itu, ia tidak lagi menjadi seorang mu'min yang benar-benar sempurna.

²⁰¹ Ini ialah tajuk bab yang dibuat oleh al-Itsyubi. Imam Nawawi, Qadhi `Iyaadh dan kebanyakan penyusun kitab matan Sahih Muslim membuat tajuk bab untuk hadits berikutnya begini: باب بيان أنه لا يدخل الجنة إلا المؤمنون وأن محبة المؤمنين من الإيمان وأن إفشاء السلام سبب لحصولها (Bab Menyatakan Bahawasanya Tidak Dapat Masuk Syurga kecuali Orang-Orang Yang Beriman, Dan Mengasihi Orang-orang Yang Beriman Adalah Sebahagian Daripada Iman Dan Menyebarkan Salam Itu Adalah Satu Sebab Untuk Mendapatkannya), al-Ubbi dan as-Sanusi pula membuat tajuk begini: باب قوله صلى الله عليه وسلم لا تدخلوا الجنة حتى تؤمنوا وأن محبة المؤمنين من الإيمان وأن إفشاء السلام سبب لحصولها (Bab Berkenaan Sabda Nabi s.a.w. “Kamu Tidak Boleh Memasuki Syurga Sehingga Kamu Beriman. Mengasihi Orang-orang Yang Beriman Adalah Sebahagian Daripada Iman dan menyebarkan salam Adalah Satu Sebab Untuk Mendapatkannya). Al-Qurthubi pula membuat tajuk yang berbunyi: باب المحبة في الله تعالى من الإيمان (Bab cinta Kerana Allah Ta'ala Itu Adalah Sebahagian Daripada Iman).

²⁰² Sabda Nabi s.a.w. ini boleh mengandungi dua maksud berikut: (1) Beriman adalah syarat untuk dapat masuk syurga. Seseorang yang tidak beriman, tidak akan dapat masuk syurga. Orang yang beriman pula akan dapat masuk syurga, walaupun imannya tidak sempurna. (2) Kamu tidak

selagi tidak berkasih-kasihan.²⁰³ Tak mahukah kamu aku tunjukkan jalan untuk berkasih-kasihan? Sebarkanlah salam antara sesama kamu²⁰⁴

dapat masuk syurga dengan cepat atau tanpa perlu mengharungi pelbagai kesusahan dan kesulitan atau syurga yang istimewa selagi kamu tidak beriman dengan keimanan yang sempurna, lengkap dengan segala cabangnya.

²⁰³ Sabda Nabi s.a.w. ini menunjukkan bahawa iman yang sempurna itu bukan sekadar kepercayaan di dalam hati semata-mata, tetapi ia adalah suatu yang perlu dibuktikan dengan amalan dan juga kata-kata. Kata an-Nawawi, ma'nanya ialah tidak sempurna iman kamu dan tidak elok keadaan iman kamu kecuali dengan adanya sifat berkasih sayang. Kamu hendaklah mengasihi satu sama lain kerana agama Allah Ta'ala dan kerana mencari redhaNya, bukannya kerana apa-apa tujuan duniawi. Al-Qurthubi mengatakan bahawa iman yang disebutkan pada kali pertama itu ialah *tasdiq syar'ie* yang telah dinyatakan di dalam hadits Jibra'il a.s. Iman yang disebutkan pada kali kedua pula ialah *iman 'amali* yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. mempunyai lebih 70 buah pintu itu. Sekiranya iman yang disebutkan pada kali kedua itu sama sahaja dengan yang disebutkan pada kali pertama, tentulah ia berma'na sesiapa sahaja yang membenci mana-mana orang Islam, ia tidak akan dapat memasuki syurga. Ini tidak benar sama sekali. Oleh itu ia perlu dita'wilkan begitu.

²⁰⁴ Arahan ini hanya untuk orang-orang Islam, kepada orang-orang Islam sahaja. Kata al-Qurthubi, arahan menyebarkan salam itu merangkumi orang-orang yang dikenali dan juga yang tidak dikenali. Ma'na kamu tidak beriman selagi kamu tidak saling menyayangi itu ialah tidak sempurna iman kamu. Keadaan kamu tidak seperti orang-orang yang sempurna iman mereka, sehinggalah kamu menyebarkan salam yang menjadi punca kasih sayang kerana agama dan cinta yang disyari'atkan. Imam Nawawi pula berkata, hadits ini mengandungi galakan yang kuat supaya menyebarkan salam, serta mengucapkannya kepada semua orang Islam sama ada dikenali atau tidak dikenali seperti mana yang disebutkan di dalam hadits yang lain. Salam itu adalah penyebab kemesraan dan kunci kasih sayang. Dengan menyebarkannya, ia boleh menimbulkan kemesraan di antara sesama Islam, serta menampakkan syi'ar mereka yang membezakan mereka daripada penganut agama lain. Di samping itu salam juga boleh melatih dan memupuk jiwa supaya merendah diri dan mementingkan hak-hak orang Islam yang lain. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Syurga itu hanya boleh dimasuki oleh orang-orang yang beriman. (2) Iman itu ada dua bentuk. (a) Iman asas yang merupakan juzu' muqawwimnya. (b) Iman pelengkap yang merupakan juzu' mukammilnya. (3) Seseorang Islam itu perlu melengkapkan imannya dengan sempurna agar ia dapat memasuki syurga yang diidamkan. (4) Islam mengajarkan umatnya agar saling berkasih sayang dan cintakan keamanan. (5) Nabi Muhammad s.a.w. tidak diutuskan sekadar untuk mengajar manusia menjaga hubungan mereka dengan Allah ta'ala sahaja, tetapi juga untuk mengajar mereka menjaga hubungan sesama manusia, terutamanya sesama Islam. (6) Orang Islam seharusnya mengucapkan salam kepada sesiapa saja yang beragama Islam, sama ada ia dikenali atau tidak. (7) Ucapan salam orang Islam yang istimewa itu adalah khusus untuk orang-orang Islam sahaja.

بَابُ النَّصِيحَةِ مِنَ الْإِيمَانِ

*Bab Sikap Tulus Ikhlas Adalah Sebahagian Daripada Iman.*²⁰⁵

٤٣ - عَنْ تَمِيمِ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدِّينُ النَّصِيحَةُ قُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَةِ الْمُسْلِمِينَ

وَعَامَّتِهِمْ

43- Tamim ad-Daari²⁰⁶ meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w. bersabda: “Agama itu ialah tulus ikhlas.”²⁰⁷ Tanya kami: “Tulus ikhlas terhadap siapa, wahai Rasulullah?” Jawab

²⁰⁵ Beginilah tajuk yang dibuat oleh al-Itsyubi. Imam Nawawi, Qadhi `Iyaadh dan kebanyakan penyusun kitab matan Sahih Muslim membuat tajuk begini: باب بيان أن الدين النصيحة (Bab Menerangkan Bahawasanya Agama Itu Ialah Nasihat). Inilah juga tajuk yang telah dipilih oleh al-Ubbi dan al-Sanusi. Di dalam sesetengah nuskah, tidak terdapat sebarang tajuk di sini dan ia adalah satu kesilapan kerana hadits ini tidak sesuai dimasukkan di bawah tajuk bab yang sebelumnya. Al-Qurthubi pula memasukkan hadits ini di bawah tajuk bab sebelumnya yang berbunyi: باب المحبة في الله تعالى والنصح من الإيمان (Bab Berkasih Sayang Kerana Allah Ta'la Dan Nasihat Itu Ialah Sebahagian daripada Iman).

²⁰⁶ Nama dan salasilah beliau selengkapnya ialah Tamim bin Aus bin Khaarijah bin Musaddad bin Judzaimah bin Dzira' bin `Adi bin al-Daar bin Haani' bin Numarah bin Lakham. Kuniah beliau ialah Abu Ruqayyah al-Syaami. Ad-Daari adalah nisbah kepada ad-Daar bin Haani' iaitu salah seorang moyangnya. Sebelum memeluk agama Islam, Tamim terkenal sebagai seorang pendita dan juga ahli `ibadat di Palestin. Tamim ad-Daari ialah seorang sahabat yang terkenal. Beliau memeluk agama Islam pada tahun ke-9H dan menetap di Baitul Maqdis selepas peristiwa pembunuhan Sayyidina `Utsman. Beliau meninggal dunia pada tahun 40H. Tamim ad-Daari meriwayatkan sebanyak 18 buah hadits. Tidak ada satu pun hadits Tamim ad-Daari diriwayatkan oleh Imam Bukhari. Imam Muslim hanya meriwayatkan satu hadits sahaja daripada beliau.

²⁰⁷ terhadap orang-orang yang bakal disebutkan di dalam hadits nanti. ‘Agama’ di sini perlulah dipakai dengan erti ‘iman’ supaya ia sesuai dengan tajuk Kitab al-Iman. Tulus ikhlas dan mahukan kebaikan untuk orang-orang lain dengan cara menasihati, menolong dan membelanya adalah salah satu cabang besar iman. Iman seseorang sama sekali tidak akan sempurna tanpanya. **Tulus ikhlas adalah terjemahan yang** diberikan untuk perkataan النصيحة. Kebanyakan penterjemah dalam bahasa Melayu menterjemahkan النصيحة dengan ‘Agama itu nasihat’. Bagi penulis terjemahan ini lebih sempit daripada ma`na sebenarnya yang agak luas. Erti sebenarnya ialah ikhlas, tulus ikhlas, ikhlas hati, betul hati, bersih hati atau jujur. Termasuklah dalam ma`na yang luas itu nasihat, memberi nasihat atau menasihati. Perkataan النصيحة sama seperti perkataan النصح adalah mashdar bagi perkataan نصح. Apabila ia muta`addi dengan haraf jar Laam, maka ertinya ialah berlaku ikhlas dan jujur kepada / terhadap, mahukan kebaikan untuk, tulus ikhlas terhadap dan sebagainya. Sebagai contoh lihatlah penggunaannya di dalam firman Allah berikut. Perhatikan juga apa erti sepatutnya:

Beliau, “Terhadap Allah,²⁰⁸ terhadap KitabNya,²⁰⁹ terhadap RasulNya,²¹⁰ terhadap para pemimpin kaum muslimin²¹¹ dan terhadap orang ramai.”²¹²

لَيْسَ عَلَى الضَّعْفَاءِ وَلَا عَلَى الْمَرْضَى وَلَا عَلَى الَّذِينَ لَا يَجِدُونَ مَا يُنْفِقُونَ حَرَجٌ إِذَا نَصَحُوا لِلَّهِ وَرَسُولِهِ مَا عَلَى الْمُحْسِنِينَ مِنْ سَبِيلٍ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ۝

Bermaksud: orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit, dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidaklah menanggung dosa (kerana tidak turut berperang) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan RasulNya. Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya; dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (at-Taubah:91). Penulis berasa canggung dan tidak selesa menterjemahkan ‘agama itu nasihat bagi Allah atau kepada Allah atau terhadap Allah’. Begitu juga dengan nasihat bagi kitabNya atau RasulNya! Kerana apakah ertinya anda menasihati Allah. Apa perlunya Allah kepada nasihat anda. Apa ertinya anda menasihati al-Qur’an atau menasihati Rasulullah??

²⁰⁸ ‘Tulus ikhlas terhadap Allah’ itu bererti mempercayai keesaanNya dan sifat-sifat ketuhananNya yang lain di samping mempercayai suciNya daripada segala cacat cela dan kekurangan. Tulus ikhlas terhadap Allah juga bererti sukakan apa yang disukaiNya dan bencikan apa dibenciNya serta melakukan amal ibadat untukNya dengan penuh ikhlas. Tulus ikhlas terhadap Allah juga bererti mensyukuri ni’matNya yang tidak terhitung banyaknya dengan menggunakannya di jalan yang baik dan diredhaiNya.

²⁰⁹ ‘Tulus ikhlas terhadap Kitab Allah’ bererti mempercayai al-Qur’an sebagai kalam Allah yang suci. Ia adalah sebuah kitab yang tiada tolok banding, penuh dengan hikmat dan kebijaksanaan. Ia adalah satu-satunya kitab yang dijamin Allah keterpeliharaannya daripada pengubahan, pemindaan dan tokok tambah oleh tangan-tangan yang kotor. Ia wajib diyakini sebagai sebuah kitab yang semestinya dijadikan sebagai pedoman oleh manusia buat selama-lamanya di setiap tempat dan zaman untuk mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tulus ikhlas terhadap Kitab Allah juga bererti mengamalkan isi kandungannya, menyesuaikan diri dengan pengajarannya, mendaulatkan segala hukum-hakamnya, membacanya dengan bacaan yang betul, elok dan penuh khushu’, memahami ma’na-ma’nanya, memerhatikan hikmat-hikmat di sebalik ayat-ayatnya dan mendalami ilmu yang terkandung di dalamnya. Tulus ikhlas terhadap Kitab Allah juga bererti menyeru manusia kepadanya, memeliharanya daripada ta’wilan-ta’wilan golongan pelampau, melindunginya daripada segala bentuk penyelewengan dan pemesongan tafsiran serta mempertahankannya daripada kritikan-kritikan dan serangan-serangan oleh orang-orang kafir di samping menghilangkan kekeliruan orang-orang yang keliru tentangnya dan merungkai segala permasalahan hidup manusia dengan berpandukannya.

²¹⁰ ‘Tulus ikhlas terhadap RasulNya’ bererti mempercayai kenabian dan kerasulannya, menta’ati segala perintah dan larangannya, menolong dan membelanya sama ada ketika masih hidup atau sesudah kewafatannya, memusuhi orang yang memusuhinya dan memerangi orang yang memeranginya, bersedia mengorbankan jiwa raga dan harta benda demi mempertahankannya semasa hayatnya, menghidupkan sunnahnya dengan mengamal, menghayati dan membuat penyelidikan terhadapnya, menyebarkan ajarannya dan menyeru orang ramai kepadanya,

mencontohi akhlak-ahklak mulia dan adab sopannya yang indah, mengagungkannya melebihi sekalian manusia yang lain, mencintai Ahlul Baitnya dan para Sahabatnya serta menjauhi orang-orang yang melakukan bid'ah dan perosak-perosak sunnahnya.

²¹¹ Sama ada ia seorang khalifah, sultan, menteri, gabenor, panglima atau ketua di setiap peringkat dalam masyarakat Islam. Erti tulus ikhlas terhadap mereka ialah menta'ati mereka dalam kebenaran, membantu mereka untuk melakukannya dan mendorong mereka ke arahnya, mengingatkan mereka kepada kebenaran dan keadilan dengan cara yang terbaik, menegur mereka secara sopan sekiranya mereka alpa, menyampaikan kepada mereka berita dan hal ehwal kaum muslimin yang mungkin tidak sampai ke pengetahuan mereka, tidak memberontak terhadap mereka dan memujuk orang ramai supaya menta'ati mereka. Ini sekiranya yang dimaksudkan dengan 'para pemimpin' itu ialah para khalifah, gabenor dan lain-lain ketua masyarakat dan negara. Dan itulah pendapat yang popular. Sekiranya yang dimaksudkan dengan mereka itu ialah para ahli ilmu agama, tulus ikhlas terhadap mereka bererti menerima baik riwayat, pendapat dan kajian mereka, mengikut mereka dalam hal-hal keagamaan dan bersangka baik terhadap mereka. Menurut al-Khatthabi, antara ma'na 'tulus ikhlas terhadap para penguasa' itu ialah bersembahyang di belakang mereka, berjihad bersama mereka, membayar zakat kepada mereka, tidak mengangkat senjata untuk memberontak terhadap mereka sekiranya ada berlaku sebarang ketidakadilan atau kesilapan daripada mereka, tidak mengampu mereka, malah mendoakan kebaikan untuk mereka.

²¹² Yang dimaksudkan dengan 'orang ramai' ialah mereka yang bukan merupakan para penguasa. Maksud tulus ikhlas terhadap mereka ialah membimbing mereka ke arah kebaikan, membantu mereka dalam urusan dunjawi sama ada dalam bentuk kata-kata atau perbuatan, memberi peringatan kepada yang alpa di kalangan mereka, mengajar yang jahil di kalangan mereka, memberikan kepada yang memerlukan di kalangan mereka, menutup ke'aiban mereka, menghalang bahaya daripada menimpa mereka, mendatangkan manfa'at kepada agama dan dunia mereka, menghormati yang tua, mengasihi yang kecil, menutup kekurangan mereka, tidak berhasad dengki dan melakukan tipu helah terhadap mereka. Pendek kata, segalanya adalah seperti sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud: "engkau berikan kepada mereka apa yang engkau suka kalau diberikan kepadamu, dan engkau tidak menyukai untuk mereka apa yang engkau tidak sukakan untuk dirimu." **Antara pengajaran dan panduan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Tidak salah meminta penjelasan yang lebih lanjut tentang sesuatu perkara yang disebutkan secara ringkas oleh seseorang yang berilmu. (2) Bertanyakan tentang sesuatu, tidak semestinya mencerminkan kejahilan seseorang, adakalanya ia mencerminkan kepintaran seseorang. (2) Para sahabat tidak berasa malu untuk bertanya sesuatu kepada Rasulullah s.a.w. (3) Rasulullah s.a.w. ialah seorang yang merendah diri dan melayan pertanyaan-pertanyaan daripada orang-orang yang berada di sekelilingnya, walaupun kedudukan Baginda adalah cukup tinggi sekali kalau dibandingkan dengan manusia mana sekali pun. (4) Allah s.w.t. tidak memerlukan apa-apa daripada hamba, sebaliknya hambalah yang memerlukanNya. (5) Salah satu cara untuk menta'ati Rasulullah s.a.w. ialah dengan tidak melakukan bid'ah. (6) Umat Islam perlu kepada pihak pemerintah. (7) Agama Islam bukanlah sekadar anutan dalam bab amal ibadat sahaja, ia juga mencakupi sistem pemerintahan, politik dan jihad. (8) Umat Islam wajib menta'ati khalifah dalam perkara-perkara yang benar dan baik. (9) Dilarang memberontak terhadap khalifah atau pemerintah, apatah lagi mengangkat senjata untuk menentang mereka. Kecualilah kalau ia telah

٤٤ - عَنْ جَرِيرٍ قَالَ بَايَعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى إِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالتَّصَحُّحِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ

44- Jarir r.a.²¹³ meriwayatkan,²¹⁴ katanya: “Aku berbai’ah²¹⁵ kepada Rasulullah s.a.w. untuk mendirikan shalat (fardhu lima waktu), membayar zakat dan bersikap tulus ikhlas terhadap setiap orang Islam.”²¹⁶

melakukan kezaliman yang nyata. (10) Sekiranya ada sesuatu yang tidak kena pada seorang khalifah atau pemimpin, orang-orang Islam perlulah menasihatinya dan membimbingnya ke jalan yang betul dengan penuh sopan. (11) Seorang khalifah haruslah mendengar nasihat orang-orang Islam. (12) Umat Islam haruslah tolong-menolong, saling memperbaiki dan saling melindungi satu sama lain. (13) Umat Islam juga tidak boleh meng’aikban dan memburuk-burukkan saudara seagamanya. **Imam Ahmad, Abu Daud, Nasaa’i, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Abu `Awaanah, al-Baihaqi** di dalam Syu’abu al-Imannya dan lain-lain juga turut meriwayatkan hadits Tamin ad-Daari ini di dalam kitab mereka masing-masing.

²¹³ Nama dan salasilah keturunan Jarir selengkapnya ialah Jarir bin Abdillahi bin Jabir al-Bajali al-Ahmasi. Beliau berasal dari Yaman. Kuniahnya ialah Abu `Amar. Ada yang mengatakannya Abu `Abdillahi. Jarir ialah seorang Sahabat yang agung. Beliau memeluk Islam pada tahun ke-10H dalam bulan Ramadhan. Nabi s.a.w. pernah menghamparkan kain selendang Baginda untuk memuliakannya. Baginda juga pernah menghantarkannya ke Yaman untuk menghancurkan Zul Khalashah (sebuah rumah berhala yang dipercayai suci seperti Ka’bah di Mekah di zaman jahiliah). Beliau telah berjaya dalam misi tersebut. Beliau pernah menjadi gabenor di Yaman di zaman Rasulullah s.a.w. Jarir bin `Abdillahi adalah seorang ketua yang dita’ati dan juga seorang rupawan. Beliau dilaporkan telah meriwayatkan sebanyak 100 buah hadits. Imam Bukhari dan Imam Muslim sama-sama meriwayatkan lapan daripadanya. Imam Bukhari bersendirian dalam meriwayatkan satu haditsnya, manakala Imam Muslim pula bersendirian dalam meriwayatkan enam haditsnya. Jarir terbilang sebagai penduduk Kufah. Beliau pernah menetap di Kufah sebelum berpindah ke Qarqisia dan meninggal dunia di sana pada tahun 51H.

²¹⁴ Kebanyakan pensyarah Sahih Muslim tidak membuat apa-apa tajuk untuk hadits 44 dan 45 yang diriwayatkan daripada Jarir r.a. kecuali al-Itsyubi dan al-Ubbi. Al-Itsyubi membuat tajuk untuk hadits 44 dan 45 begini: باب مبايعة الإمام على السمع والطاعة والنصح لكل مسلم وكونها من الإيمان (Bab Membai’ah Imam Untuk Dengar Dan Patuh (Kepada Pemimpin), Tulus Ikhlas Terhadap Setiap Orang Islam Dan Menganggap Semuanya Sebagai Sebahagian Daripada Iman). Al-Ubbi pula membuat tajuk yang sangat ringkas, begini adanya: باب حديث جرير (Bab Hadits Jarir).

²¹⁵ Berbai’ah kepada Rasulullah s.a.w. atau berjanji setia dengan Baginda tentunya atas urusan agama. Kerana itu ia juga termasuk dalam salah satu cabang iman.

²¹⁶ Menurut al-Qurthubi, bai’ah di antara Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya itu berlaku beberapa kali, dalam waktu-waktu yang berlainan. Ia bergantung kepada keperluan semasa, sama ada untuk memperbaharui perjanjian ta’at setia atau untuk memperteguhkan perjanjian ta’at setia yang telah sedia ada. Itulah sebabnya terdapat sedikit sebanyak perbezaan pada lafaz-lafaznya. Di

٤٥ - عَنْ جَرِيرٍ قَالَ بَايَعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ فَلَقَّنِي فِيمَا اسْتَطَعْتُ وَالتُّصْحِ لِكُلِّ مُسْلِمٍ

45- Jarir r.a. meriwayatkan, katanya: “Aku telah membai’ah Nabi s.a.w. untuk ta’at setia dan patuh (kepada Baginda s.a.w. dan para pemimpin yang lain).” Baginda terus mengajar (menegur) aku (dengan katanya): “dalam perkara yang engkau mampu”,²¹⁷ dan (aku juga telah membai’ah Baginda s.a.w.) untuk tulus ikhlas terhadap setiap orang Islam.”²¹⁸

dalam riwayat ini disebutkan tiga perkara. Puasa dan lain-lain lagi tidak disebutkan kerana ia sudah termasuk di bawah perkataan ‘ta’at setia’ yang tersebut di dalam hadits 45 akan datang. Sembahyang dan zakat pula disebutkan kerana kedudukan kedua-duanya yang sangat rapat. Selain Allah s.w.t. selalu menyebutkan kedua-duanya bersama-sama di dalam al-Quran, kedua-duanya juga merupakan lambang seorang Islam yang paling nyata. **Antara pengajaran dan panduan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Bai’ah kepada seorang Nabi boleh dilakukan untuk menunjukkan keta’atan terhadap ajaran agama yang dibawanya. (2) Bersembahyang dan membayar zakat adalah tanda seorang Islam yang paling jelas. (3) Umat Islam haruslah saling memperbaiki satu sama lain, dengan cara yang paling elok iaitu saling menasihati. (4) Setiap muslim wajib bersikap tulus terhadap saudara seagamanya. (5) Kekerasan bukanlah jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu masalah. (5) Memperbaiki sesuatu yang rosak lebih baik daripada membuangnya, terutamanya jika ia melibatkan manusia.

²¹⁷ Pada bahagian ini ada dua versi riwayat; (1) فِيمَا اسْتَطَعْتُ ‘dalam perkara yang engkau mampu’, (2) فِيمَا اسْتَطَعْتُ ‘dalam perkara yang aku mampu’. Mengikut versi riwayat yang pertama, ia berma’na Rasulullah s.a.w. mengatakan kepada Jarir: “Aku terima bai’ahmu untuk dengar dan patuh pada apa yang engkau mampu lakukan.” Mengikut versi riwayat yang kedua pula ia berma’na Rasulullah s.a.w. menyuruh Jarir berkata: “Aku membai’ahmu untuk dengar dan patuh dalam perkara yang aku mampu lakukan.” Kedua-dua versi riwayat ini tidak salah dan bertepatan dengan firman Allah s.w.t. لَا يَكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا Bermaksud: Allah tidak membebani seseorang melainkan sekadar kemampuannya.

²¹⁸ **Antara pengajaran dan panduan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Allah s.w.t. bersifat penyayang dan tidak membebani hamba-hambaNya dengan tugas dan arahan yang mereka tidak mampu laksanakan. (2) Rasulullah s.a.w. juga menyayangi umatnya dan tidak mahu mereka menganggap agama ini sebagai suatu bebanan. (3) Agama Islam bukanlah suatu bebanan untuk manusia. (4) Sekiranya sesuatu yang dida’wa sebagai ajaran agama Islam kelihatan menyusahkan manusia atau memperbodohkan mereka, pasti di sana ada sesuatu yang tidak kena. (5) Agama Islam itu mudah, bukannya susah. (6) Tidak ada istilah menyeksa diri dalam beragama.

بَابُ بَيَانِ نُقْصَانِ الْإِيمَانِ بِالْمَعَاصِي وَنَقْيِهِ عَنِ الْمَلَبَسِ بِالْمَعْصِيَةِ عَلَى إِرَادَةِ نَفْيِ كَمَالِهِ

*Bab Tentang Berkurangnya Iman (Seseorang) Dengan Sebab Ma`shiat-Ma`shiat (Yang Dilakukannya) Dan Penafian Iman Daripada Orang Yang Melakukan Ma`shiat Dengan Erti Menafikan Kesempurnaan Imannya.*²¹⁹

٤٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرُقُ حِينَ يَشْرُقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرَبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرَبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَالتَّوْبَةُ مَعْرُوضَةٌ بَعْدَ

46- Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak sempurna iman seorang penzina²²⁰ ketika ia berzina. Tidak sempurna iman seorang pencuri ketika ia mencuri dan tidak sempurna pula iman seorang pemabuk ketika ia minum arak,²²¹ bagaimanapun pintu taubat sentiasa terbuka sesudah itu.”²²²

²¹⁹ Demikianlah tajuk bab yang terdapat di dalam Syarah Muslim oleh Qadhi `Iyaadh, Imam Nawawi dan kebanyakan matan Sahih Muslim. Al-Ubbi membuat tajuk begini: باب أحاديث قوله صلى (Bab Hadits-Hadits Nabi S.A.W. Tidak Berzina Seseorang Yang Berzina Dalam Keadaan Ia Mu`min). as-Sanusi membuat begini: باب لا يزني الزاني وهو مؤمن إلى آخره (Bab Tidak Berzina Seseorang Yang Berzina Dalam Keadaan Ia Mu`min... Hingga Ke Akhirnya). Al-Qurthubi membuat tajuk begini: باب لا يزني الزاني وهو كامل الإيمان (Bab Tidak Berzina Seseorang Yang Berzina Dalam Keadaan Ia Seorang Yang Sempurna Imannya). Al-Itsyubi pula membuat tajuk begini: باب بيان نقصان الإيمان بارتكاب المعاصي ونقيضه عن مرتكبها حال تلبسه بها على معنى نفي كماله (Bab Tentang Berkurangnya Iman (Seseorang) Dengan Sebab Melakukan Ma`shiat-Ma`shiat Dan Penafian Iman Daripada Orang Yang Melakukan Ma`shiat Ketika Ia Melakukannya Dengan Erti Menafikan Kesempurnaan Imannya). Tajuk yang dibuat beliau ini lebih kurang sama dengan yang yang dibuat oleh Qadhi `Iyaadh, dan Imam Nawawi.

²²⁰ Maksudnya ialah orang yang hendak melakukan zina. Di sini terdapat penggunaan *Majaz al-Awwal* (menamakan sesuatu dengan apa yang bakal berlaku kepadanya). Demikianlah juga dengan perkara-perkara yang akan disebutkan kemudian. Istilah lain untuk مجاز الأول ialah اعتبار ما تسمية الشيء باسم ما سيؤول إليه يكون .

²²¹ Atau lain-lain minuman yang memabukkan. Ia tidak semestinya bernama arak. Begitu juga dengan mengambil sesuatu yang memabukkan atau menghilangkan `aql dengan cara-cara yang lain seperti memakannya, menghisapnya atau menyuntiknya pada mana-mana bahagian badan.

²²² Maksudnya ialah orang yang melakukan ma`shiat-ma`shiat yang tersebut itu perlu bertaubat. Taubat mereka juga akan diterima jika ia menepati syarat-syaratnya. Allah s.w.t. mengemukakan taubat kepada mereka kerana Dia tahu kelemahan manusia untuk melawan hawa nafsu dan godaan syaitan. Taubatlah satu-satunya cara untuk mereka melepaskan diri daripada dosa-dosa besar. Oleh itu ia perlu dilakukan dengan seberapa segera. Kata Imam Nawawi, orang-orang